



PEJABAT SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI,
TINGKAT 14, 17 & 18
WISMA BAPA MALAYSIA,
PETRA JAYA
93502 KUCHING,
SARAWAK.

Telefon Am: 082-441957
Kawat: FINANCIAL KUCHING
Teleks: STAFIN MA70023
Fax: 082-313245

Ruj Tuan:
Ruj Kami: SFS/00021/9 SFS-CIRCULARS(53)
Tarikh: 10 September 2021

Kepada:

YB Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak
YA Peguam Besar Negeri
Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri
Semua Setiausaha Majlis Bandaraya/Perbandaran/Daerah

YBhg. Datu/Tuan/Puan,

**PEKELILING PEJABAT SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI BILANGAN 4 TAHUN
2021: PELAKSANAAN MORATORIUM SELAMA ENAM (6) BULAN BAGI
PEMBAYARAN SKIM PINJAMAN PERUMAHAN PEGAWAI KERAJAAN NEGERI
SARAWAK DI BAWAH BORNEO HOUSING MORTGAGE FINANCE BERHAD**

1. TUJUAN

Tujuan pekeliling ini adalah untuk memaklumkan pelaksanaan moratorium selama enam (6) bulan bagi Skim Pinjaman Perumahan Pegawai Kerajaan Negeri Sarawak di bawah Borneo Housing Mortgage Finance Berhad.

2. PELAKSANAAN MORATORIUM

- 2.1 Selaras dengan pengumuman berhubung pelaksanaan moratorium PEMULIH 2021 oleh Kerajaan Persekutuan pada Julai 2021, Kerajaan Negeri Sarawak bersetuju untuk melaksanakan moratorium pinjaman bagi Skim Pinjaman Perumahan Pegawai Kerajaan Negeri Sarawak di bawah Borneo Housing Mortgage Finance Berhad selama enam (6) bulan mulai **September 2021 sehingga Februari 2022.**
- 2.2 Moratorium ini hanya diberi kepada pegawai yang memohon sahaja. Permohonan untuk menangguh pembayaran pinjaman perumahan hendaklah dikemukakan kepada Borneo Housing Mortgage Finance Berhad.
- 2.3 Tarikh akhir penerimaan permohonan moratorium oleh Borneo Housing Mortgage Finance Berhad adalah pada **28 September 2021.** Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dilayan.

3. KAEDAH PENANGGUHAN POTONGAN GAJI

- 3.1 Penangguhan potongan gaji untuk pembayaran Skim Pinjaman Perumahan Pegawai Kerajaan Negeri Sarawak akan dilaksanakan oleh Jabatan Perbendaharaan Negeri dan ianya hanya melibatkan pegawai yang telah mengemukakan permohonan moratorium dalam tempoh yang ditetapkan kepada Borneo Housing Mortgage Finance Berhad.
- 3.2 Penangguhan potongan gaji untuk pembayaran pinjaman tersebut akan dibuat mulai **Oktober 2021 sehingga Februari 2022**.
- 3.3 Memandangkan penangguhan potongan gaji tidak sempat dibuat bagi bulan September 2021, pegawai hendaklah berurusan terus dengan pihak Borneo Housing Mortgage Finance Berhad untuk mendapatkan kembali potongan gaji bulan September 2021. Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Puan Nur Amira binti Affendi dan Puan Aezene Eugene anak Kasui melalui telefon 082-512888 sambungan 116 dan 117 atau 010-9606025 atau melalui emel di alamat loandep-kch@bhmfb.my
- 3.4 Potongan gaji untuk pembayaran Skim Pinjaman Perumahan Pegawai Kerajaan Negeri Sarawak bagi pegawai yang terlibat akan diaktifkan semula mulai **Mac 2022**.

4. PEMAKAIAN

Pekeliling ini juga berkuatkuasa ke atas Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak dan dipanjangkan kepada Badan-Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri tertakluk kepada pemakaian agensi masing-masing.

Sekian, terima kasih.

“BERSATU BERUSAHA BERBAKTI”

“AN HONOUR TO SERVE”



(DATU DR. WAN LIZOZMAN BIN WAN OMAR)
Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak